

12/11/1999

Pembubaran Parlimen yakinkan pelabur BSKL

PEMBUBARAN Parlimen semalam yang membuka jalan kepada pilihan raya umum akan menghapuskan unsur ketidakpastian dalam pasaran saham tempatan, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Nazri berkata pelabur enggan berniaga di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kerana ketidakpastian yang menyelubungi pasaran selama tiga atau empat bulan lalu.

Pilihan raya akan menghapuskan unsur ketidakpastian itu, katanya.

Beliau berkata gambaran awal sudah ditunjukkan kelmarin apabila Indeks Komposit BSKL meningkat 13.27 mata kepada 728.81 mata setelah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pembubaran Parlimen.

"Saya rasa orang menunggu perkara ini (pembubaran Parlimen) kerana terdapat unsur ketidaktentuan pasaran dalam masa tiga atau empat bulan lalu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian terbitan dan langganan bon kadar tetap RM500 juta di antara Bank Industri Malaysia Bhd, Kumpulan RHB, Deutsche Bank (Malaysia) Bhd, Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd, Malaysian Trustees Bhd dan Bank Negara Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau memuji tindakan Perdana Menteri membubarkan Parlimen yang dianggapnya akan menyebabkan orang ramai berhenti mempersoalkan kekuatan kerajaan sedia ada.

Mohamed Nazri yakin Barisan Nasional akan menang dengan majoriti besar seterusnya membentuk sebuah kerajaan kuat yang akan menambah keyakinan pelabur untuk mengurus niaga di BSKL.

(END)